

Headline	Shamelin Bina tawar produk kesihatan herba buah	Language	Malay
Date	01 Aug 2009	Page No	31
MediaTitle	Berita Harian	Article Size	262 cm²
Section	Ekonomi	Color	Full Color
Journalist	N/A	PRValue	16,673
Frequency	Daily		
ADValue	5,558		



SHAMELIN Bina Sdn Bhd, anak syarikat milik penuh Koperasi Shamelin Bhd, menawarkan kemudahan kepada ahlinya dan orang ramai menikmati khasiat alam semula jadi melalui pilihan produk kesihatan berasaskan herba dan buah-buahan serta menikmati bonus lumayan.

Syarikat itu yang ditubuhkan bertujuan menjaga kemudahan serta perniagaan khususnya dalam industri jualan langsung berbilang tingkat (MLM) kini tampil dengan produk terbarunya, Shamelin Mangostyn Juice.

Perunding Kesihatan Shamelin Bina, Dr Zety Jani, berkata minuman itu dihasilkan menggunakan manggis (isi dan kulit) atau nama saintifiknya, *Garcinia Mangostana* dan kandungan antioksidanya ini sudah dikaji penyidik Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

Selain manggis, minuman terbabit turut mengandungi ekstrak acai, ekstrak biji anggur, ekstrak delima, puri rosele serta jus epal yang mana kombinasi sumber alam semula

Shamelin Bina tawar produk kesihatan berasaskan herba, buah



DR ZETY bersama produk Mangostyn Juice.

jadi itu menyumbang kepada kandungan bahan antioksidanya serta Xanton (komponen aktif biologi) yang dapat membantu mengatasi pelbagai masalah kesihatan terutama berkaitan penyakit barah.

Katanya, antioksidanya adalah komponen penting diperlukan menghalang tindak balas serta kesan buruk daripada radikal bebas ini, seterusnya memberi kesihatan

menyeluruh kepada tubuh badan.

Beliau berkata, Shamelin Mangostyn Juice dijual pada harga RM260 untuk enam botol termasuk yuran keahlian (seumur hidup) dan ahli Koperasi Shamelin.

“Orang ramai boleh membentuk satu perniagaan bernilai puluhan ribu ringgit,” katanya di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Dr Zety berkata, jus ber-

kenaan dapat membantu mengurangkan perkembangan sel barah dan pada masa sama, mengatasi pelbagai masalah kesihatan lain seperti resdung, mengurangkan kadar kolesterol, antipenuaan, sembelit, melindungi jantung, insomnia, osteoporosis, senggugut, demam, sakit kepala serta penyakit berkaitan mata.

Katanya, pesakit kronik disaran menikmati minuman berkenaan sebotol sehari manakala bagi mereka yang menghidap diabetes, seeloknya menghabiskan sebotol dalam masa tiga hari.

“Minuman ini 100 peratus buatan Malaysia dan tidak mengandungi gula tambahan, halal dan sesuai untuk semua peringkat umur,” katanya.

Maklumat lanjut mengenai produk dan sistem perniagaan Shamelin Bina, boleh e-mel kepada info@shamelinbiz4U.com atau layari laman web www.shamelinbiz4u.com.